

# Kita berhasrat sertai Majlis Keselamatan

BH - 5 JAN 1988

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Itali menyokong usaha Malaysia untuk menyertai salah satu anggota Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi tempoh 1989 dan 1990, menggantikan Jepun.

Tempoh Jepun menganggotai majlis itu akan tamat akhir tahun ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zainal Abidin Sulong, berkata permintaan itu disampaikan kepada Perdana Menteri Itali, Encik Giovanni Goria, dalam pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Encik Goria yang mengetuai rombongan perdagangan negaranya tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi tiga hari bagi mempertingkatkan hubungan dua hala dan perdagangan antara Itali dan Malaysia.

Tan Sri Zainal berkata pemimpin Itali itu mengambil perhatian permintaan Malaysia untuk mendapatkan sokongan negara itu

bagi menganggotai majlis berkenaan. Malaysia pernah menganggotai majlis itu pada awal 1960-an.

Turut hadir dalam mesyuarat itu ialah Menteri Luar kedua-dua negara. Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat itu, Tan Sri Zainal Abidin, berkata Malaysia sudah menyampaikan hasrat untuk mendapatkan tempat dalam majlis itu kepada ahli Bangsa-Bangsa Bersatu di persidangan badan dunia itu tahun lalu.

Bagaimanapun, Malaysia setakat ini belum membuat sebarang kenyataan rasmi mengenainya.

Negara lain yang berhasrat mendapatkan tempat untuk menggantikan Jepun ialah Bangladesh.

"Tujuan kita mendapatkan tempat dalam majlis itu ialah untuk membuktikan kepada masyarakat dunia bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang bertanggungjawab," katanya.